

22/08/2001

Malaysia sedia bantu negara Afrika bebas daripada hutang

Mustapa Omar in Kampala (Uganda)

KAMPALA (Uganda), Selasa - Malaysia sedia membantu negara membangun di Afrika dari segi latihan dan pengurusan kewangan bagi memastikan mereka tidak perlu lagi tunduk kepada negara kaya yang memberi pinjaman, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, banyak negara di rantau ini sedang berusaha membebaskan diri daripada 'tangan' pemberi hutang yang sering mendesak negara penerima bertindak mengikut kehendak mereka.

"Negara terbabit begitu berminat belajar pengalaman kita. Mereka asyik bertanya bagaimana Malaysia boleh membebaskan diri daripada belenggu hutang.

"Bagaimanapun, kita perlu jelaskan kepada mereka ada perkara yang kita boleh buat tetapi mereka tidak boleh," katanya dalam sidang akhbar selepas berucap di jamuan sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001), malam tadi.

Dialog empat hari di Pusat Peranginan Speke, Munyonyo, berhampiran Tasik Victoria itu berakhir hari ini. Ia menghimpunkan lebih 600 peserta, termasuk ketua negara, pemimpin kerajaan, menteri dan ahli perniagaan.

Mengenai SAID-Global 2001, Dr Mahathir berkata sambutan di kalangan negara-negara Afrika kini semakin menggalakkan, malah ada negara bukan anggota Komanwel seperti Sudan, turut menyertainya.

"Sejak dialog ini diperkenalkan pada 1995, sikap kerajaan negara anggota juga menunjukkan perubahan. Mereka mula menghargai perlunya pelaburan asing dan kerjasama antara sektor awam dan swasta.

"Negara menyertai dialog juga memberi tumpuan khas kepada pelaburan langsung asing (FDI), sesuatu yang agak baru kepada mereka. Bagi Malaysia, ia sudah menjadi perkara biasa kerana kita sudah menikmati FDI sejak selepas merdeka," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini ada negara yang tidak mahu FDI sebaliknya mengambilalih kepentingan asing sebaik saja mencapai kemerdekaan menyebabkan pelabur takut dan enggan melabur di negara berkenaan.

Beliau berkata, negara seperti itu tidak boleh dibangunkan dan terus mundur. Tetapi selepas menyertai dialog dan bertukar maklumat dengan peserta lain, mereka kini berasa perlu menjadi sebahagian ekonomi dunia dan terpaksa menerima FDI.

"Oleh itu, saya yakin dialog ini sudah berjaya menukar pemikiran pemimpin di selatan dan timur Afrika, malah negara-negara di barat Afrika seperti Ghana, turut menunjukkan minat menyertai dialog ini dan ada di antaranya sudah turut sama kali ini.

"Perkembangan baik ini juga menunjukkan bahawa mereka kini sudah menerima konsep perkongsian pintar dan memahami perlunya sikap saling bantu membantu untuk lebih makmur. Ini adalah satu pencapaian besar," katanya.

Mengenai masa depan perkongsian pintar, Dr Mahathir berkata pelbagai masalah menunggu di hadapan, termasuk Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Jika kita ke sana (WTO) secara bersendirian dan berpecah kepada negara kecil, kita tidak akan dapat mempengaruhi bentuk WTO atau globalisasi. Kita tahu bahawa konsep globalisasi kini sama sekali terhad kepada pergerakan bebas modal, sesuatu yang tidak begitu baik kepada negara membangun.

"Malaysia sudah melalui pengalaman pahit apabila modal yang masuk dalam

Pasaran Saham Kuala Lumpur (KLSE) tiba-tiba ditarik keluar sehingga menyebabkan pasaran modal kita berjumlah lebih AS\$250 bilion (RM950 bilion) hilang dalam tempoh tidak sampai satu tahun.

"Oleh itu, walaupun kita mengalu-alukan kemasukan modal, kita perlu juga menyedari bahawa jika mereka menarik diri, kita akan menghadapi masalah. Kita pernah melalui pengalaman ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tugas Malaysia memberitahu negara lain bahawa di samping menyambut FDI, pada masa yang sama mereka perlu sentiasa berhati-hati dengan tindakan keluar secara mengejut.

Mengenai kemungkinan lebih banyak negara dijemput menyertai dialog itu, beliau berkata setakat ini beberapa negara di Asia Tenggara seperti Thailand, Singapura dan Filipina sudah diundang tetapi mereka tidak mahu memberi komitmen kerana belum melihat kepentingannya.

Sebelum itu, ketika melancarkan The African Trade Insurance Agency (ATI), Dr Mahathir berkata walaupun media Barat sering memburukkan imej negara di mata dunia, Malaysia masih mampu menarik FDI kerana apabila seseorang itu melawat Malaysia, mereka sudah pasti menukar fikiran.

"Kami akan memastikan mereka menukar fikiran dan tertarik kepada Malaysia dengan memberikan layanan terbaik kepada setiap orang asing. Jika kami fikir mereka membawa keuntungan kepada kami, sudah pasti layanan lebih baik akan diberikan.

"Inilah rahsianya bagaimana kami berjaya menarik banyak FDI ke Malaysia," katanya.

ATI yang dijangka menggalakkan kegiatan perdagangan bernilai kira-kira AS\$800 juta (RM3.04 bilion) dalam tempoh lima tahun, dilancarkan sempena SAID-Global 2001.

(END)